

Kakak lega nama Kapten Zaharie dibersihkan

By 01/06/2014 Ms. 6

Putrajaya: Keluarga Kapten Zaharie Ahmad Shah menarik nafas lega apabila Laporan Siasatan Keselamatan bagi penerbangan MH370 Malaysia Airlines yang dikeluarkan kelmarin menunjukkan 'tiada perkara negatif' mengenai juruterbang pesawat yang kemudiannya dilaporkan hilang itu, lebih empat tahun lalu.

Kakak beliau, Sakinab Ahmad Shah berkata, beliau berasa lega dan gembira kerana nama adik lelakinya itu dibersihkan daripada segala tuduhan.

"Saya sangat gembira sebab namanya sudah dibersihkan, bagaimanapun sebagai penyudah, kami mahu pesawat itu ataupun bangkainya dijumpai," katanya kepada media selepas

danya warga negara China.

Gesa teruskan pencarian
Sementara itu, Grace Nathan, anak perempuan Anne Daisy, seorang daripada penumpang MH370, menggesa pihak berkuasa untuk meneruskan pencarian pesawat MH370.

Beliau berkata kerajaan perlu mempertimbangkan sebarang tawaran daripada mana-mana syarikat yang bersedia untuk mengadakan pencarian pesawat berkenaan atas dasar 'tiada penemuan tiada bayaran'.

"Matlamat utama kami adalah supaya pencarian MH370 diteruskan bagi mengelak insiden seperti ini berulang di masa depan. Kita mesti ingat bahawa berjuta-juta orang me-

naliki penerbangan setiap hari. Soal keselamatan tidak boleh dipandang remeh," katanya.

Sementara itu, seorang anggota keluarga kru MH370 yang hanya mahu dikenali sebagai Fong berkata, beliau tidak puas hati, kecewa dan marah dengan taklimat hari ini disebabkan, menurutnya, taklimat itu hanya untuk memberitahu waris sesuatu yang 'mereka sudah tahu'.

"Pasukan ini tidak dapat menentukan punca sebenar kehilangan MH370. Apa yang kami mahu tahu adalah sama ada kerajaan akan meneruskan pencarian... kami diberitahu yang kami perlu menunggu keputusan daripada kementerian," katanya.

BERNAMA